

KOSMO MIS 22

Nuan Nuan diserah pada China

Oleh NOR SHAFAWATI YUP

SEPANG - Nuan Nuan, anak panda gergasi pertama yang lahir di Zoo Negara seolah-olah 'merajuk' dengan menunjukkan sikap kurang aktif ketika proses penghantaran pulang ke China semalam.

Pengarah Zoologi dan Veterinar, Pusat Konservasi Panda Gergasi (GPCC) Zoo Negara, Dr. Mat Naim Ramli (**gambar kecil**) berkata, Nuan Nuan yang bermaksud 'ramah mesra' seberat 90 kilogram yang dilahirkan pada 18 Ogos 2015 itu lebih banyak menyendiri selain kelihatan lemah dan banyak tidur ketika berada di Hotel Haiwan MASKargo sejak pukul 1 petang semalam.

Menurut beliau, sejak awal pagi semalam, anak panda betina itu sudah tidak ceria mungkin kerana tertekan dengan pergerakan kenderaan yang kuat dan persekitaran yang agak berbeza.

"Emosi Nuan Nuan dilihat tidak stabil mungkin kerana terdedah kepada pergerakan kenderaan sepanjang perjalanan dari Zoo Negara ke Hotel Haiwan MASKargo, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bermula pukul 10.50 pagi.

"Nuan Nuan terpaksa



NUAN NUAN diletakkan di dalam sangkar khas sebelum dipindahkan ke dalam pesawat kargo di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur semalam.



KERATAN Kosmo! 22 Mei 2014.



KERATAN Kosmo! 19 Ogos 2015.

ditenangkan dengan diberi makan secukupnya sebelum dibawa menaiki pesawat selama empat jam 20 minit menuju ke Lapangan Terbang Shuanglin, Chengdu di China," kata beliau ketika ditemui di Hotel Haiwan MASKargo di sini semalam.

Nuan Nuan ditempatkan di hotel haiwan berkenaan dari pukul 1 petang sebelum dibawa

menaiki pesawat kargo MH6476 pada pukul 5.35 petang.

Nuan Nuan bakal tiba di Pangkalan Panda Dujiangyan, Sichuan pada pukul 9.55 malam waktu tempatan. Pangkalan Panda Dujiangyan di China merupakan 'rumah' baharu buat Nuan Nuan.

Nuan Nuan merupakan zuriat kepada dua ekor panda gergasi iaitu Fu Wa dan Feng Yi yang dipinjamkan oleh kerajaan



NUAN NUAN bakal ditempatkan di Pangkalan Panda Dujiangyan di Sichuan.



XING XING (kiri) dan Liang Liang.

China kepada Malaysia sebagai simbol jalinan hubungan diplomatik selama 40 tahun antara Kuala Lumpur dan Beijing.

Fu Wa dan Feng Yi tiba di Malaysia pada 21 Mei 2014 dan diberi nama baharu Xing Xing dan Liang Liang. Selepas 15 bulan berada di Malaysia pasangan panda gergasi itu melahirkan Nuan Nuan.

Penghantaran pulang anak beruang yang kini berusia 26 bulan itu seba-

gai memenuhi Perjanjian Program Kerjasama Antarabangsa Konservasi Panda Gergasi, yang ditandatangani bersama China pada 15 Jun 2012.

Perjanjian tersebut memperuntukkan anak panda yang dilahirkan Xing Xing dan Liang Liang perlu dihantar ke negara asalnya apabila berusia dua tahun.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MAB Kargo Sdn. Bhd., Ahmad

INFO Panda Nuan Nuan

- Malaysia pada Mei 2014 menerima sepasang panda gergasi yang diberi Xing Xing (jantan) dan Liang Liang (betina)
- Pasangan panda berkenaan ditempatkan di Pusat Konservasi Panda Gergasi Zoo Negara di Hulu Klang, Ampang, Selangor
- Selepas 15 bulan berada di Malaysia, Liang Liang melahirkan Nuan Nuan pada 18 Ogos 2015
- Sebagai menepati perjanjian, Nuan Nuan dipulangkan kepada China selepas anak panda itu berumur dua tahun

Luqman Mohd. Azmi berkata, penghantaran Nuan Nuan menelan kira-kira RM400,000 dan ini merupakan penerbangan haiwan termahal negara ini setakat ini.